
SIARAN MEDIA

#BEBASKARTEL MENJADI TEMA ULANGTAHUN KE-7 SURUHANJAYA PERSAINGAN

KUALA LUMPUR, 3 APRIL 2018 – Dalam meraikan ulangtahun penubuhannya yang ke-7 pada 1 April 2018, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“Suruhanjaya”), telah mengadakan satu sesi perbincangan Meja Bulat yang dihadiri oleh para panel yang terdiri daripada pakar-pakar undang-undang persaingan bagi membincangkan isu-isu terkini melibatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan di negara ini.

Majlis yang diadakan di Hotel Le Meridien Kuala Lumpur ini telah dihadiri oleh hampir 200 orang. Program ini merupakan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti advokasi yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya dalam usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman terhadap objektif Akta Persaingan 2010. Proses persaingan adalah penting dalam menyediakan pelbagai pilihan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti mengikut harga yang berdaya saing demi melindungi kepentingan pengguna dan pembangunan ekonomi negara.

Sejak Februari lalu, Suruhanjaya telah menjalankan pelbagai program interaksi bersama orang ramai termasuk pihak industri serta pelajar sekolah dan universiti seperti pertandingan menulis esei, pertandingan fotografi, pertandingan ‘*Choral Speaking*’ antara sekolah-sekolah Menengah, ‘*MyCC Cycle Cyberjaya Kayuh Kaw Kaw*’ dan Siri Jelajah Bebaskartel yang telah diadakan di sembilan buah negeri di seluruh negara.

Acara kemuncak ulang tahun ketujuh penubuhan Suruhanjaya ini telah disempurnakan oleh YB Dato’ Seri Hamzah Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pada majlis ini, Suruhanjaya telah melancarkan Pelan Advokasi dan Komunikasi Persaingan 2018-2020 yang merupakan strategi Suruhanjaya didalam menyediakan rangkakerja yang akan dilaksanakan didalam fasa ketiga pelaksanaan advokasi persaingan di negara ini.

Majlis ini telah diserikan lagi dengan sesi penerangan akan kepentingan amalan-amalan sihat dengan adanya prinsip persaingan bersama Puan Lisa Surihani yang telah dilantik sebagai Duta Suruhanjaya. Beliau yang mempunyai pendidikan dalam bidang undang-undang merupakan selebriti terpilih dan menjadi duta pertama kepada Suruhanjaya dalam bersama-sama meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap peranan Suruhanjaya Persaingan ini di Malaysia.

Di dalam majlis tersebut juga telah berlangsung anugerah penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan-pertandingan penulisan esei, fotografi serta pertandingan 'Choral Speaking' yang telah diadakakan sempena menyambut ulangtahun tujuh tahun penubuhan Suruhanjaya seperti berikut:

Penulisan Esei:

1. Abdul Mutalib Bin Abdul Shukor dari Politeknik Ungku Omar
2. Sareeka A/P Balakrishnan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3. Pua Jun Wen dan Chermaine Lim Jia Yi dari niversiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Fotografi:

1. Mohd Samsi Bin Sumairi
2. Clement Chow Kay Ment
3. Wong Kid Yie

Choral Speaking:

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Bukit, Kajang
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur
3. Sekolah Menengah Sains, Kuala Selangor

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Ditubuhkan pada April 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.